



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.47 (58)  
Tarikh : 27 November 2017

**SIARAN MEDIA**

**Majlis Penyerahan Geran Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor**

Shah Alam, 27 November 2017 - YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyerahkan Geran Tahunan kepada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam Negeri Selangor bernilai RM46,907,240.00 pada petang ini.

2. Kerajaan Persekutuan melalui KPKT memberikan Geran Tahunan bagi membantu 12 PBT di Negeri Selangor membiayai belanja mengurus masing-masing dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM46,907,240.00 seperti di bawah :

NEGERI	PBT	JUMLAH PERUNTUKKAN
Selangor	MB Petaling Jaya	5,000,000.00
	MB Shah Alam	5,000,000.00
	MP Klang	5,000,000.00
	MP Ampang Jaya	5,000,000.00
	MP Subang Jaya	5,000,000.00
	MP Sepang	2,163,427.00
	MD Kuala Langat	2,958,548.00
	MP Kajang	5,000,000.00
	MP Selayang	5,000,000.00
	MD Kuala Selangor	1,919,715.00
	MD Hulu Selangor	3,210,793.00
	MD Sabak Bernam	1,654,757.00

3. Geran Tahunan ini sebahagian daripada tanggungjawab Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri dan PBT untuk membantu PBT membiayai belanja mengurus masing-masing berdasarkan Perkara 109(3) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut bahawa *Parlimen boleh melalui undang-undang membuat pemberian bagi maksud tertentu kepada mana-mana negeri atas apa-apa terma dan syarat yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang itu.*

4. Pemberian Geran Tahunan oleh KPKT adalah kepada semua PBT di Malaysia kecuali PBT di Wilayah Persekutuan dan agensi yang diberi kuasa oleh Kerajaan Negeri untuk menjalankan fungsi PBT (*modified* PBT). Pengiraan Geran Tahunan adalah mengambil kira aspek seperti bilangan penduduk, taraf PBT berkenaan (samada Dewan/Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah) dan sebagainya dengan siling maksima 5 juta ringgit bagi satu PBT.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLAN Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)